

BERTINDAK DEMI KEPENTINGAN TERBAIK KANAK-KANAK

Pelbagai perkara telah ditimbulkan berikutan isu Izwan Abdullah yang dikatakan telah melarikan anak lelakinya yang berusia 6 tahun. Di dalam kegamatan berbincang dan berhujah tentang Perlembagaan, menganut agama lain dan penjagaan anak, kita perlu celik akan isu paling penting di kala ini – keselamatan dan kebajikan dua anak kecil ini masih belum terjamin.

S. Deepa, ibu kepada kanak-kanak tersebut, telah menyatakan bahawa ini bukanlah kali pertama Izwan telah melarikan anak lelaki mereka. Beliau mendakwa bahawa Izwan telah mengabaikan keluarganya sejak tahun 2012 lagi, dan hanya kembali pada bulan April tahun lalu untuk membawa pergi anak-anak mereka agar mereka menganut agama Islam. Pada Ogos yang lalu, Izwan dikatakan datang untuk membawa lari lelaki mereka di salun dandan di mana Deepa bekerja. Apabila Deepa telah mencuba untuk menghalang perkara tersebut, dia telah dipukul sehingga menyebabkan Mahkamah mengeluarkan suatu Perintah Perlindungan Sementara (IPO) bagi melindungi Deepa.

Malaysia telah menandatangani Konvensyen Hak Kanak-Kanak di peringkat Bangsa-Bangsa Bersatu yang mengutamakan tanggungjawab memelihara kepentingan kanak-kanak. Tanggungjawab ini turut dijadikan undang-undang Persekutuan di dalam Akta Kanak-kanak 2001. Akta tersebut mewajibkan agar kanak-kanak dilindungi daripada beberapa kesalahan-kesalahan jenayah, sekaligus melarang dan meletakkan hukuman bagi kesalahan-kesalahan seperti mengabaikan kanak-kanak ataupun mendedahkan kanak-kanak kepada perbuatan yang boleh menyebabkan kecederaan termasuk secara emosi. Mengambil kira latarbelakang kes ini seperti dikatakan di atas, jika telah berlaku perbuatan Izwan terutamanya perbuatan menyerang Deepa di hadapan anak lelaki mereka, dan kemudiannya melarikan secara paksa anak lelaki tersebut, jelas merupakan pelanggaran terhadap aspek perlindungan yang sepatutnya diberikan kepada kanak-kanak.

Tindakan segera perlu diambil apabila mengendalikan jenayah ke atas kanak-kanak untuk memastikan kanak-kanak tersebut dilindungi daripada bahaya sesegera dan sebanyak mungkin. Seksyen 110 Akta Kanak-kanak memberi kuasa kepada pihak polis untuk menangkap tanpa waran, orang yang disyaki telah melakukan suatu kesalahan ke atas kanak-kanak. Tangkapan boleh dilaksanakan berdasarkan kepercayaan munasabah bahawa seorang bapa telah menyebabkan anaknya sendiri mengalami kecederaan emosi.

Oleh itu, adalah amat membimbangkan apabila kedua-dua pihak Ketua Polis Negara (KPN) dan Menteri Dalam Negeri enggan untuk mengambil apa-apa tindakan penguatkuasaan ke atas Izwan yang dipercayai telah melarikan anaknya. Pernyataan KPN bahawa “seorang bapa tidak mungkin menculik anaknya” kelihatan seperti kesalahfahaman undang-undang, lebih-lebih lagi apabila Akta Kanak-kanak 2001 tiada membezakan antara pesalah yang merupakan ahli keluarga ataupun orang yang tidak dikenali. Pernyataan KPN seterusnya bahawa pihak polis tidak dapat bertindak kerana mereka tersepit di antara bidang kuasa mahkamah sivil dan mahkamah Syariah, bukan sahaja salah dari segi undang-undang, malah seakan-akan alasan untuk tidak bertindak, terutamanya kerana apabila suatu jenayah terhadap kanak-kanak disyaki telah dilakukan, pihak polis mempunyai kewajipan untuk bertindak.

Terdapat juga isu berbangkit tentang perintah hak jagaan yang telah dikeluarkan oleh kedua-dua Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Syariah. Pada tahun 2013, Jemaah Menteri telah pun mengisytiharkan bahawa adalah merupakan satu kesalahan bagi mana-mana ibu mahupun bapa untuk menukar agama anak-anak mereka tanpa memperolehi persetujuan pasangan mereka terlebih dahulu. Sebaliknya, dikatakan di dalam kes ini bahawa Izwan secara sengaja telah membawa kedua-dua anaknya untuk menganut agama Islam tanpa persetujuan Deepa, yang berlawanan dengan ketetapan Jemaah Menteri dan sekaligus terus merumitkan keadaan.

Undang-undang Malaysia seharusnya jelas memandangkan negara kita mempunyai dua sistem perundangan, mana-mana ibu atau bapa yang ingin menukar agamanya, seharusnya wajib untuk menyelesaikan isu-isu berkait perkahwinan dan keluarganya di mahkamah sebelum beliau menukar agama. Ketetapan sebegini akan menghapuskan sebarang isu memeningkan mengenai mahkamah mana yang mempunyai bidang kuasa untuk mendengar isu-isu perkahwinan dan hak penjagaan kanak-kanak. Sehubungan itu, keputusan untuk membentuk jawatankuasa Kabinet untuk meneliti isu-isu mengenai penukaran agama dan hak penjagaan amatlah dialu-alukan.

Kejadian ini telah menjuruskan perhatian masyarakat ke atas masalah-masalah dan isu-isu akar institusi-institusi negara kita. Perlembagaan Persekutuan meletakkan kebajikan kanak-kanak di bawah bidang kuasa kedua-dua kerajaan negeri dan persekutuan. Ini menunjukkan bahawa Negara kita wajar menitikberatkan kepentingan hak kanak-kanak untuk bebas dan dilindungi daripada sebarang bahaya. Institusi-institusi kerajaan, terutamanya jabatan kebajikan masyarakat dan pihak polis, seharusnya bertindak dengan serta-merta untuk memastikan bahawa kanak-kanak tersebut selamat di dalam penjagaan pihak yang paling sesuai bagi memastikan kesejahteraan dan kepentingan kanak-kanak tersebut. Semakin masa berlalu, semakin meruncing trauma dan tekanan emosi yang dialami oleh kanak-kanak tersebut.

Joshua Teh Honguan, Advocacy Officer
Women's Centre for Change, Penang (WCC)
18 April 2014